

MENGARUSPERDANAKAN LATIHAN KEMAHIRAN.

Kerajaan akan menubuhkan sebuah Majlis Penyelarasan Kemahiran Kebangsaan bertujuan merancang dan melaksanakan latihan kemahiran membabitkan agensi-agensi kerajaan. Majlis tersebut akan bertindak mengarusperdankan latihan kemahiran teknikal dan vokasional supaya mempunyai prospek yang setaraf dengan aliran pendidikan dan fleksibel.

Ini bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi dengan ciri keterangkuman dan kebolehmampahan menjelang 2020. Usaha untuk membangunkan modal insan berkualiti bagi mencapai ekonomi berpendapatan tinggi adalah mencabar dan memerlukan perancangan rapi kerana negara hanya mempunyai 23 peratus tenaga mahir.

Menteri Sumber Manusia Datuk Dr S. Subramaniam berkata kementeriannya bertanggungjawab untuk meningkatkan peratusan tenaga kerja mahir daripada 23 peratus sekarang kepada 37 peratus menjelang 2015. Datuk Dr S. Subramaniam berkata mengikut Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), kerajaan menyediakan dana RM500 juta melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran sebagai bantuan kewangan kepada pekerja mengikuti latihan ke mahiran. Beliau berkata lepasan sekolah menengah yang gagal melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan tinggi, berpeluang mengikuti latihan kemahiran dalam pelbagai bidang sehingga ke peringkat ijazah.

FAKTA PENYEDIA LATIHAN KEMAHIRAN

1. ILP IPOH
2. PUSAT GIAT MARA
3. INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA SERI ISKANDAR
4. SEKOLAH MENENGAH TEKNIK
5. PUSAT LATIHAN MEKANIKAL, INSTITUT PEMBANGUNAN KOMPETENSI JPS
6. KOLEJ RISDA.
7. PUSAT LATIHAN KEMAHIRAN (PLK) TAPAH
8. MARKAS PANGLIMA PENDIDIKAN DAN LATIHAN TLDM
9. PUSAT LATIHAN KOR PERKHIDMATAN (PULMAT)
10. PUSAT LATIHAN TROLAK (FELDA)
11. INSTITUT LATIHAN KEMAS
12. AKADEMI KULINARI KEMAS
13. PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KEMAHIRAN PERAK (PESDC)

LAPORAN BERGAMBAR

Sukan Kakitangan P.4
Kembara 2010 P.5
Gotong Royong P.5

Program Derma Darah 2010 P.6

Peralatan Bengkel Anda P.11

Poster Istimewa
Dan banyak lagi

BIBIT VOKASIONAL MULAI TAHUN ENAM.

PENDIDIKAN teknik dan vokasional perlu diperkemas supaya ia sekali lagi dapat diletakkan dalam arus perdana pendidikan negara, di samping pendidikan kebangsaan dan aliran agama, tanpa mengetepikan sekolah aliran Cina dan Tamil. Legasi vokasional hampir terpadam apabila ada gerakan secara pukal menaik taraf sekolah vokasional kepada sekolah teknik serta penyerapan mata pelajaran vokasional dan teknikal ke dalam aliran kebangsaan. Sejak itu takungan tenaga kolar biru negara longlai - umpama yang dikehjarn tak dapat, yang dikendong berciciran.

Dalam program memperkasa Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran memang berhasrat untuk melonjakkan kecemerlangan dan mengembangkan sepenuhnya potensi kecemerlangan murid dari kumpulan ini dari peringkat awal, guru dan sekolah sehingga boleh mengangkat nama dan sistem pendidikan negara di mata dunia.

Adalah diharapkan program memperkasa Pendidikan Teknik dan Vokasional ini akan dapat mengurangkan kadar kecinciran dari sistem persekolahan dan menambah modal insan yang berkemahiran untuk membantu pembangunan ekonomi negara.



Assalammualaikum

dan

Salam Sejahtera.

Kita diberi kesempatan untuk kembali bertemu . Ogos 2010 telah pun berlalu dan meninggalkan pelbagai peristiwa dihati kita. Edisi September ini kembali menemui anda untuk mengisi ruang bacaan yang ada.

Bulan ini kita akan menyambut kemerdekaan dan juga kedatangan bulan rahmat iaitu bulan Ramadhan. Saya mewakili sidang Suara Generasi Mahir mengucapkan Selamat berpuasa dan Selamat Ulangtahun Kemerdekaan yang ke 53.

**Pengerusi Kelab Redaksi
Dan
Fotografi ILP Ipoh**

Suara Generasi Mahir Kemahiran Teras Kecemerlangan

PENAUNG :

EN.JAMIL BIN YAHYA
PENGARAH INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN IPOH

PENASIHAT:

EN. MOHD RADZI BIN MASKUR
TIMBALAN PENGARAH
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN IPOH

EN.HAMIDOM BIN NGAH
PENOLONG PENGARAH PENGURUSAN SUMBER
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN IPOH

KELAB REDAKSI DAN FOTOGRAFI

EN. MUHAMMAD HAFIZ B.MUHAMMAD (Ketua)
CIK NURUL AIN BT ROSLI (Penolong Ketua)
CIK NURUL RAQILAH BT AHMAD (Setiausaha)
EN. DZUL SYAZREL B. ROZANI (Bendahari)

UNIT BERITA

EN.MOHD FARIQ AKMAL B.ZAINALIN
EN.MOHD FIRDAUS B.ISHAK
EN.MOHAMMAD ASHRAF B.YUSOF
CIK FATIN MAHIRAH BT MIOR MOHD SAFRI
CIK LAILI MASTURA BT MAT TAJUDIN
CIK FITRI NURUL HASIAH BT ABD RAHMAN
EN.ABDUL HANNAN B.MOHD ZIN
EN.MOHAMMAD YUSOF B.MOHAMMAD NORDIN
EN.MOHAMMAD NAZRIN B.ABD RAZAK
EN.MOHD FARHAN IFWAT B.ZULFAKAR
EN. MOHAMAD AZIL B.MOHD RANI

PENYELARAS:

EN MOHD NASIR BIN TAIB (PENGERUSI)
EN.MOHD ZUKHAIRI BIN DZIYAUDDIN (SETIAUSAHA)
EN.MOHD HARIS BIN SALLEH
EN.ISMAZAIID BIN ISMAIL
EN.MOHD SHAZWAN BIN MUHIYUDDIN
EN.MEOR SHAHURIN BIN MEOR SULAIMAN

BILIK GERAKAN SUARA MAHIR

MAKMAL PUSAT SUMBER
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN
KAWASAN PERINDUSTRIAN TAMAN MERU
30020, IPOH PERAK DARUL RIDZUAN
05-5277777 TEL
05-5270702 FAX
www.ilpipoth.gov.my

Ekspedisi berbasikal JTM



Pasukan Ekspedisi Berbasikal JTM merentasi Banjaran Titiwangsa yang telah bermula pada 1 Ogos 2010 telah selamat tiba diperkarangan Institut Latihan Perindustrian Ipoh pada 3 Ogos 2010 jam 5.00 petang. Perjalanan ini adalah pada peringkat ketiga selepas peringkat kedua perjalanan iaitu dari Kota Bharu, Kelantan. Ekspedisi berbasikal ini dijayaikan oleh 17 orang peserta ahli Kelab Basikal Jabatan Tenaga Manusia termasuk seorang pelumba kebangsaan selaku penasihat ekspedisi. Pasukan ini meneruskan cabaran peringkat ke-empat iaitu dari Ipoh ke Tanjung Malim. Sessi penyerahan cenderahati dan perlepasan peserta Ekspedisi ke peringkat seterusnya telah disempurnakan oleh Tuan Pengarah En.Jamil Bin Yahya. Warga ILP Ipoh dengan bebesar hatinya menyertai program perlepasan peserta Ekspedisi berbasikal JTM ke peringkat seterusnya pada 4 Ogos jam 8.30 pagi.



Tenaga pengajar ILJTM jelajah promosi institut

KUALA LUMPUR: Seramai 17 tenaga pengajar Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) menyertai Ekspedisi Berbasikal merentasi Banjaran Titiwangsa bermula Sabtu lalu hingga esok bertujuan mempromosikan institusi berkenaan kepada orang ramai.

Ekspedisi berbasikal sejauh 586 kilometer (km) dari Kota Bharu ke Ipoh dan Kuala Lumpur itu akan singgah di dua sekolah iaitu Sekolah Menengah Rantau Panjang di Pergau dan Sekolah Men-



ROMLI (tengah) bergambar bersama Peserta Ekspedisi Berbasikal ILJTM.



Sukan Kakitangan ILJTM Zon Utara 2010



Sukan Kakitangan ILJTM Zon Utara bagi tahun 2010 telah berlangsung dengan jayanya. Sukan ini telah berlangsung pada 25 . 27hb Jun 2010 bertempat diInstitut Latihan Perindustrian Ipoh. Institut Latihan Perindustrian Ipoh selaku tuan rumah telah merangkul pelbagai kejuaraan didalam pertandingan tersebut . Namun demikian nasib tidak menyebelahi pasukan kita untuk menjadi juara keseluruhan kerana kekurangan mata keseluruhan yang sangat tipis kepada musuh tradisi iaitu JMTI. Kepada seluruh warga ILP Ipoh yang terlibat dengan pertandingan tersebut, pihak majalah mengucapkan ribuan terima kasih diatas kerjasama anda dan cuba lagi di tahun hadapan. Jika dinilai dari pungutan mata penulis merasakan adalah bersesuaian dengan motto pasukan ILP



Sukaneka Pelatih



Sukaneka telah diadakan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Ipoh yang disertai oleh para pelatih baru dan pengajar pada 9 Julai 2010.Antara aktiviti yang dijalankan ialah lari dalam guni, sambut telur, cari gula . gula dalam tepung, senamrobik dan pertandingan bola sepak antara kakitangan ILP dengan pelatih-pelatih baru. Sukaneka ini bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan antara pelatih baru dengan para pengajar Institut Latihan Perindustrian Ipoh.



Program kembara sempena Minggu Silaturahim telah diadakan pada 8hb Julai 2010. Seramai 300 peserta telah mengambil bahagian.

Selain dari pelatih, aktiviti kali ini turut disertai oleh beberapa kakitangan ILP Ipoh dan pasukan penyelamat seperti Jabatan Pertahanan Awam.

Acara dimulakan dengan pelatih dikehendaki berkumpul di padang pada pukul 8.00 untuk taklimat kembara.

Pada pukul 8.30 pagi, Tuan Pengarah ILP Ipoh, En. Jamil Bin Yahya telah merasmikan aktiviti ini dengan melepaskan kumpulan pertama yang dianggotai seramai 18 orang ahli.

Semangat juang, kesungguhan, kegigihan serta kerjasama yang ditunjukkan setiap anggota kumpulan mengeratkan lagi hubungan mereka sebagai satu pasukan.

Aktiviti Gotong Royong

Program gotong-royong sempena minggu silaturrahim (MSR) sesi 2/2010 telah diadakan pada 7 hb Julai 2010. Program ini disertai oleh pelatih baru dan kakitangan Institut Latihan Perindustrian Ipoh.

Para pelatih telah dibahagikan kepada 2 kumpulan. Sebahagiannya ditugaskan untuk melakukan aktiviti gotong royong di rumah anak-anak yatim dan sebahagian lagi membersihkan kawasan sekitar Institut Latihan Perindustrian Ipoh .

Program tersebut bertujuan untuk memupuk semangat kerja sama dan tolong-menolong antara satu sama lain. Kesimpulanya program ini dapat membentuk disiplin pelajar dan sahsiah dalam diri remaja.



PROGRAM DERMA DARAH 2010



Program Derma Darah telah diadakan di Institut Latihan Perindustrian Ipoh dengan kerjasama dari Unit Tabung Darah Hospital Permaisuri Bainun pada 27hb Julai 2010 .Program yang bermula dari 10.30 pagi itu telah menarik minat warga Institut Latihan Perindustrian Ipoh.

Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran tentang pentingnya sumbangan darah. Setiap penderma akan menerima buku derma darah sebagai pengesahan. Penerima buku merah tersebut berpeluang menikmati keistimewaan yang ditawarkan .



Kemanakah perginya darah yang didermakan ???..

Satu unit darah yang anda dermakan dapat menyelamatkan nyawa:

1. Mangsa Demam Denggi
2. Mangsa kemalangan yang kehilangan darah
3. Ibu-ibu yang mengalami tumpahan darah selepas bersalin
4. Bayi yang memerlukan pertukaran darah
5. Pesakit Talasemia
6. Pesakit Anemia
7. Mangsa kebakaran
8. Pesakit leukemia
9. Pesakit Haemifilia

Anda dilarang menderma darah sekiranya anda terlibat dengan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

1. Hubungan seks dengan bertukar-tukar pasangan atau menjalankan aktiviti seks ram-bang
2. Melanggani pekerja seks/pelacur
3. Hubungan sejenis (Homoseks)
4. Hubungan jenis dengan kedua-dua jantina (Biseksual)
5. Menyalahguna dadah secara suntikan

Hari Keluarga PSKK ILP IPOH 2010

Hari Keluarga PSKK Institut Latihan Perindustrian Ipoh untuk tahun 2010 telah diadakan di Bukit Merah Lake Town Resort, Perak pada hari Sabtu dan Ahad 13-14 November 2010 yang lalu. Program yang diadakan setiap tahun ini telah berjaya mengumpulkan seramai lebih kurang 300 orang ahli keluarga PSKK Institut Latihan Perindustrian Ipoh.



Majlis Sambutan AidilFitri 2010



Majlis Sambutan Aidilfitri 2010 anjuran PSKK Institut Latihan Perindustrian Ipoh telah diadakan di Dewan Sri Klebang Institut Latihan Perindustrian Ipoh pada hari Sabtu dan Ahad 13-14 November 2010 yang lalu. .

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009



Pn.Lailaton Azwa



Pn. Norliza



Pn.Hanim



En.Yusri



En.Suhaimi



En. M. Rahim



En.Mohamad Andri



En.Jamauddin



En.Zaid Zulfaaqah



En.Izam Yusri



En.Saiful Hazmil

Pekerja Cemerlang Bulanan 2010

En.Ismail Sainy
PC Januari 2010Pn.Munifa Nor
PC Februari 2010En.Saiful Hazmil
PC Mac 2010En.Balasupramaniam
PC April 2010Pn.Hamymuhar Niza
PC Mei 2010En.Mohd Haris
PC Jun 2010En.Hafizul
PC Julai 2010En.Burhanuddin
PC Ogos 2010En.Ahmad Faizal
PC September 2010En.Syazwan
PC Oktober 2010En.Baharuddin
PC November 2010Pn. Siti Jamilah
PC Disember 2010

Pertandingan Kemahiran Malaysia Ke-19



Mohamad Borhannuddin

ILP Ipoh telah menghantar 3 orang peserta yang layak ke Pertandingan Kemahiran Malaysia KE-19 dalam bidang Web Design dan Mechanical Engineering Desidn- CAD . Diantara 3 peserta yang mewakili JTM ini, dua antaranya telah mendapat pingat dalam kategori masing-masing. Tahniah diucapkan kepada peserta dan jurulatih yang telah bekerja keras dalam melatih peserta dan mengharungkan nama ILP Ipoh dan JTM.



Woo Ruey Yuen

Inovasi dan Kreativiti

Sebagai menyahut seruan pengarah bagi melahirkan pengajar dan pelajar yang kreatif, pengajar dan pelajar di bidang Teknologi Foundri telah membina beberapa peralatan bagi memudahkan perjalanan proses kerja di bengkel Foundri. Hasilnya, beberapa peralatan telah dibina dan peralatan ini dapat digunakan sepenuhnya didalam proses latihan.



Pembinaan Roller Conveyor bagi memudahkan barang berat digerakkan.



Portable Non- Ferrous Furnace.
Untuk kapasiti tuangan yang



Handyman Crucible
Dikendalikan oleh seorang sahaja.



Portable Gas Burner.
Untuk pemanasan die dan crucible.

Pengalaman Kemahiran dan Anda



Penulis ingin berkongsi pengalaman dengan pelatih yang baru memulakan penghidupan sebagai pelatih kemahiran di institut ini. Penulis juga memulakan penghidupan sebagai pelatih di ILJTM pada tahun 1997 walaupun dalam usia agak sedikit lewat.

Kita berbalik kepada pengalaman pada peringkat awal penerimaan latihan kemahiran. Jelas sekali pada waktu itu perbezaan individu amat nyata dalam persekitaran latihan.


Sesetengah pelatih adalah pelajar yang cepat, sesetengahnya agak lambat sedikit, sesetengahnya bermula dalam keadaan permulaan yang amat tinggi daripada yang lain, sesetengahnya meningkat sedikit sahaja walaupun melakukan praktis yang berterusan.

Namun demikian janganlah pelatih bimbang kerana ia adalah sesuatu yang normal. Kita dilahirkan dengan keistimewaan yang berbeza.

Penulis juga berada dalam kategori pelajar yang lembab tetapi hasil dari kesabaran serta latih tubi yang berulang kali kita mampu menghasilkan kerja yang terbaik.

Kelainan dalam corak penerimaan pembelajaran ini adalah hasil dari perbezaan kemampuan dan motivasi dikalangan pelatih. Pengalaman permulaan seseorang bakal pekerja (pelatih) boleh ditentu dengan memberikan sesuatu bentuk latihan, jika berjaya ia akan memberikan kesan positif terhadap masa hadapan pelatih berkenaan.

Review Peralatan



MESIN MILLING BRIDGEPORT

Mesin Milling (Kisar) jenama Bridgeport merupakan alatan pemesinan yang sangat terkenal dikalangan pengusaha bengkel dan juga perkilangan. Mesin milling (kisar) ini juga telah mendominasikan pasaran sejak tahun 1960-an sehingga kini. Model J seperti yang boleh kita lihat dikawasan bengkel Tool and die dan bengkel Mekanik Industri merupakan model paling terkenal, Selain berkeupayaan tinggi, ia mempunyai nilai (value for money) yang sangat tinggi. Ribuan terima kasih ditujukan khas buat Old Timers atau boleh dikenang sebagai ~~the living legend~~ dalam bidang pemesinan seperti En.Hamidom bin Ngah, En.Asri Bin Ali, En.Abdul Wahab Bin Abdul Aziz serta ramai lagi kerana membuat keputusan yang sangat tepat dalam perolehan mesin ini.

Mesin ini biarpun telah lebih 20 tahun menabur bakti kepada penggunanya namun ia masih kekal utuh dan mampu beroperai dengan baik dibawah seliaan pengajarnya. Adalah menjadi lumrah untuk setiap peralatan/mesin untuk rosak namun pihak pengurusan ILP Ipoh dan Bahagian Pengurusan telah mengorak langkah dengan membuat beberapa siri penyelenggaraan berkala dan penyelenggaraan pencegahan.

Komen Vorteks: Tabik Spring dan semoga Allah merahmati usaha kalian.

INFO RINGKAS MESIN MILLING

1. Dikenali sebagai Mesin Kisar
2. Digunakan untuk memesin bahan padu (Solid Material)
3. Selain dari mata alat bergerak secara radial (berpusing) Benda kerja juga boleh digerakkan ke arah mata alat.
4. Digunakan untuk pelbagai operasi pemotongan seperti membuat slot, melubang, merata permukaan, dan pelbagai operasi pemotongan kompleks yang lain



Personaliti Pelajar Bulan ini



Bidang:

Teknologi Cadd Mekanikal

Asal : Kuala Kangsar

Umur : 20 Tahun

Pencapaian:

Tempat Pertama
Kategori Cadd Mekanikal
Pertandingan Kemahiran
Malaysia 2010
Peringkat Pra Kelayakan



Woo Ruey Yuen



Bidang:

Teknologi Komputer
Sistem

Asal : Bota

Umur : 21 Tahun

Pencapaian:

Tempat Ketiga
Kategori Web Design
Pertandingan Kemahiran
Malaysia 2010
Peringkat Pra Kelayakan



Muhammad Hafiz

Mohammad Borhannuddin

Bidang:

Teknologi Komputer
Sistem

Asal : Negeri Sembilan

Umur : 20 Tahun

Pencapaian:

Tempat Pertama
Kategori Web Design
Pertandingan Kemahiran
Malaysia 2010
Peringkat Pra Kelayakan



Personaliti Pengajar Bulan ini



Nama : Mohd Andri Bin Samad

Bidang:

Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara

Asal : Melaka

Umur : 35 Tahun

Pengalaman kerja: 15 Tahun

Antara Keistimewaan :

Fasih Berbahasa Melaka dan Jepun

Apa Kata Mereka



Merupakan seorang pengajar yang berketrampilan dan berkemahiran tinggi. Cemerlang dalam melakukan kerja serta berdedikasi+

-En.Aziz Bin Miad (Ketua bahagian Teknologi Penyejuk Bekuan dan Penyamanan Udara) aka Da Bossq



Beliau adalah seorang pengajar yang mudah didampingi sebagai seorang kawan dan guru, pada masa-masa tertentu, beliau juga boleh dianggap sebagai penyeri suasana+

- En.Mohd Nasir Bin Taib (Ketua Penyelaras Majalah Vorteks)



Seorang yang peramah dan mudah mesra kepada semua staff, berdisiplin, mudah bekerjasama dan rajin+

- Puan Noorlina bin Shahruddin (PA Pengarah)

AGAMA ISLAM DAN ANDA


Puasa

Sabda Nabi Bermaksud :-

Amat menghairankan manusia yang masih dipanjangkan umurnya sehingga ke ramadan ini tetapi masih lagi tidak mengambil kesempatan sedikit pun untuk memohon kepada Allah S.W.T agar dosadosanya diampunkan.

Pengajaran hadis :-

- ⇒ *Umur yang panjang di satu-satu ramadan seharusnya dihargai dan disyukuri.*
- ⇒ *Ramadan adalah bulan yang begitu mewah dengan pahala dari Allah S.W.T. Amat malang bagi orang yang tidak mau mengambil kesempatan untuk mencari sebanyak mana pahala itu.*
- ⇒ *Ramadan seharusnya mampu melatih kita menjadi insan yang berjaya mendekat dirinya dengan Allah S.W.T dan menjadikan manusia semakin lazat untuk mengamal segala ajaran agama islam.*



Fakta Ringkas Ramadhan

Ramadan

(b. Arab: رمضان transliterasi : Rama n, terjemahan harfiah: "panas terik") (biasa digelar "Ramadan Al-Mubarak") adalah merupakan bulan yang ke-9 dan bulan paling suci di dalam kalender Islam. Seperti bulan Islam lain, bulan ini mempunyai 29 atau 30 hari. Pada bulan ini umat Islam ini diwajibkan berpuasa

seperti yang termaktub dalam al-Qur'an yang bermaksud


Bulan Ramadan, yang di dalamnya diturunkan al-Qur'an sebagai petunjuk bagi manusia dan keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan (antara yang benar dan salah). Oleh itu, barangsiapa di antara kamu hadir di bulan itu, maka hendaklah dia berpuasa pada bulan itu...

[surah Al-Baqarah](#), ayat 185

Bulan Ramadan merupakan masa untuk umat Islam berfikir dan merenung diri sendiri, bersolat, membuat kebajikan dan meluangkan masa dengan keluarga serta sahabat handai. Diharapkan dengan berpuasa dari fajar hingga senja umat Islam akan dapat mempertingkatkan disiplin diri dan menjadi pemurah, dengan mengingati kesusahan hidup sebahagian manusia yang miskin papa .

Percentages (%) atau dikenali sebagai peratus

Percent bermaksud sesuatu bahagian/benda dipecahkan kepada 100



Menggunakan Percent

Disebabkan "Percent" bermaksud "per 100" kita perlu membayangkan

"ia perlu dibahagikan dengan 100"

Sila lihat contoh dibawah:

75% bermaksud $\frac{75}{100}$

100% bermaksud $\frac{100}{100}$, atau bersamaan dengan nilai 1

200% bermaksud $\frac{200}{100}$, atau bersamaan dengan nilai 2 (2 x ganda)

Peratus juga boleh dipergunakan dalam bentuk titik perpuluhan dan pecahan



Separuh dari pizza diatas telah dimakan oleh itu kita boleh menyebut atau menggunakan nilai seperti 50%, $\frac{1}{2}$ dan juga 0.5 untuk mewakili nilai pizza yang telah dimakan itu.

Contoh pengiraan:

15% of 200 Skru itu telah rosak.

Berapakah jumlah skru yang rosak?

$$15\% = \frac{15}{100}$$

$$(\frac{15}{100}) \times 200 = 15 \times 2 = 30 \text{ Skru}$$

Jawapan :30 skru telah rosak

Bahasa Inggeris dan anda

Dalam topik kali ini kita akan membincangkan tentang Nouns.

1. Nouns

1.1. Function of Nouns - Apa fungsi Nouns?

Dalam topik ini anda perlu tahu apakah kegunaan nouns dan untuk apa anda perlu gunakan nouns. Nouns adalah seperti

- i. Orang - seperti Ali, Siti, student, teacher, boy dan sebagainya
- ii. Tempat - seperti Kuala Lumpur, office, house, city
- iii. Benda - seperti car, phone, computer
- iv. Haiwan - seperti Garfield, King Kong, cat, dog
- v. Abstrak - Untuk menamakan perasaan, keadaan, situasi seperti anger, sadness, wisdom, happiness dan sebagainya

1.2 Common Nouns and Proper Nouns - Kata Nama Biasa dan Kata Nama Khas

Common nouns merujuk kepada nouns yang ditulis dengan huruf kecil manakala Proper Nouns pula ialah Kata Nama Khas seperti Putrajaya, Ahmad, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan sebagainya yang perlu ditulis menggunakan huruf besar.

1.3 Count - Countable Nouns and Uncountable Nouns - Kata Nama Boleh Dikira dan Kata Nama Tidak Boleh Dikira

Countable nouns ialah nouns yang boleh dikira dan boleh ditambah 's' untuk menunjukkan bilangan yang lebih dari satu seperti 'one car', 'two cars, manakala Uncountable Nouns ialah jenis Nouns yang tidak boleh dikira dan tidak boleh ditambah 's' dihujungnya walaupun jumlahnya banyak seperti 'too little sugar' dan 'too much sugar'.

1.4 Plural and Singular Nouns - Kata Nama Majmuk dan Kata Nama Tunggal

Plural nouns ialah nouns yang boleh dikira dan oleh itu boleh ditambah 's' atau 'ies', atau 'es' , 'ves' dan sebagainya untuk menunjukkan bilangan yang lebih dari satu.

Contoh - one car - two cars one baby-two babies one thief-three thieves

Singular nouns pula ialah untuk menunjukkan bilangan nouns ialah tunggal dalam Countable Nouns. Dalam Uncountable Nouns pula ianya cuma dalam bentuk Singular dan tidak boleh dalam bentuk plural seperti sugars, cofees dan sebagainya.

1.5 Collective Nouns - Kata Nama Berkumpulan atau Penjodoh Bilangan Berkumpulan

Collective nouns pula ialah penjodoh bilangan untuk nouns yang banyak. Dalam bahasa Melayu kita pun turut menggunakan seperti sesikat pisang, sekawan burung dan sebagainya. Bagaimanapun dalam bahasa Inggeris ianya lebih meluas seperti a herd of cattle, a swarm of bees, a troop of monkeys dan sebagainya.

1.6 Possessive Nouns - Kata Nama Pemilikan

Possessive nouns bertujuan untuk menunjukkan yang sesuatu itu dimiliki atau dipunyaai oleh sesuatu nouns itu dan ianya melibatkan penggunaan ('s) ataupun sekadar menambah apostrophe (') sahaja.

Kalau singular nouns - tambahkan ('s) kepada nouns itu seperti

Ali's car, yusoff's book, the student's work dan sebagainya

Oleh itu kalau anda tambahkan 's kepada sesuatu singular nouns seperti dalam Ali's car ianya memberi maksud - kereta Ali ataupun kereta kepunyaan Ali.

Kalau plural nouns - Oleh kerana plural nouns sudah secara asalnya mempunyai 's' dihujungnya maka anda cuma perlu tambahkan ' sahaja kepada nouns itu seperti

the students' car, the teachers' building book, the dogs' owner dan sebagainya

Diharap anda boleh memahami penerangan ringkas tentang nouns dalam topik ini.

MEROKOK ADALAH HARAM

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke 37 yang bersidang pada 23 Mac 1995 bersetuju membuat keputusan bahawa:

**"MEROKOK ADALAH HARAM DARI PANDANGAN
ISLAM KERANA PADANYA TERDAPAT
KEMUDHARATAN"**

Nas Al-Quran dan hadis seperti berikut adalah menjadi asas kepada penetapan hukum:

Terjemahan Al-Quran

"Dan janganlah kamu mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan"

(Surah Al Baqarah: 195)

Terjemahan Hadith

"Tidak memudharatkan (orang lain) dan tidak saling memudharatkan (antara satu sama lain)"

(Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah)

**INFOLINE BERHENTI MEROKOK
03-8883 4400**

PERINGATAN IKHLAS DARI:

WARGA KERJA SUARA GENERASI MAHIR